

MENGGANTIKAN FRASA DENGAN PERKATAAN: LATIHAN 10

ARAHAN: Gantikan frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah in dengan sepatah perkataan yang sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Pegawai-pegawai polis yang tiba di blok itu tersenyum melihat budak-budak yang bermain bola di kolong blok itu lari dengan tidak tentu arah.
 (1) bergelutan (2) berselindungan
 (3) bersembunyian (4) bertempiran ()
- 2 Haji Riduan yang sangat-sangat boleh dipercayai dan bertanggungjawab dianggap sebagai pemimpin penduduk-penduduk di blok itu.
 (1) amanah (2) amaran
 (3) ancaman (4) anggaran ()
- 3 Saya rasa bertuah dapat mengikuti guru dan kawan-kawan sedarjah melawat-lawat sambil belajar ke beberapa tempat yang bersejarah di Singapura.
 (1) berdarmawisata (2) berdebat
 (3) berganding (4) berkongsi ()
- 4 Sultan Azam Shah duduk di tempat duduk rajanya sambil mendengar aduan-aduan dan rayuan rakyatnya.
 (1) pelamin (2) pentas
 (3) serambi (4) takhta ()
- 5 Setelah hanyut di lautan itu selama tiga hari, nelayan dan rakannya itu nampak sebuah daratan yang dikelilingi air.
 (1) bukit (2) gurun
 (3) pulau (4) tasik ()
- 6 Sebaik sahaja saya tiba di pintu masuk kawasan sekolah itu, saya diarahkan pergi ke tempat segala urusan dijalankan sekolah itu.
 (1) mahkamah (2) parlimen
 (3) pejabat (4) stor ()
- 7 Empat orang yang merompak sebuah tempat menyimpan barang-barang untuk dagangan di Pelabuhan Singapura telah ditangkap oleh polis.
 (1) bengkel (2) gudang
 (3) kilang (4) pusat ()
- 8 Seorang pemandu lori barang-barang dagangan telah ditangkap kerana cuba membawa masuk secara haram seorang pendatang haram.
 (1) menghisap (2) menyembunyi
 (3) menyeludup (4) menyorok ()

9	Ibu bapa kami selalu ingatkan kami dua beradik agar menjaga <u>tingkah laku serta tutur kata yang halus</u> semasa berada di khalayak ramai. (1) adab (2) adat (3) budaya (4) tabiat ()
10.	Semasa menziarah datuk nenek saya di Melaka, saya suka pergi tengok kerbau berkubang di <u>tempat pokok-pokok padi ditanam</u> . (1) dusun (2) padang (3) pekan (4) sawah ()
11.	Walaupun penat belajar dan membuat kerja-kerja di rumah, saya <u>tidak tidur</u> sepanjang malam kerana menjaga ibu saya yang sakit kuat. (1) berbaring (2) berjaga (3) mengantuk (4) mengawal ()
12	Pada hujung minggu ayah akan membawa kami sekeluarga <u>duduk berbual-bual sambil berehat</u> di pantai setelah penat bekerja sepanjang minggu. (1) berbincang (2) berhimpun (3) bermesra (4) bersantai ()
13	Rumah yang dibuat daripada kayu yang didirikan tanpa menggunakan paku lebih daripada seratus tahun dahulu itu masih <u>kuat dan teguh</u> dan dijadikan sebuah muzium. (1) gagah (2) handal (3) kukuh (4) tegak ()
14	Boleh dikatakan penduduk kampung di <u>tanah rendah di kaki gunung itu</u> bertani kerana tanah di situ sangat subur. (1) kaki (2) lembah (3) lereng (4) puncak ()
15	Pengawal keselamatan di Pulau Jurong untuk mengawal keselamatan di loji kuasa itu telah <u>dibuang kerja</u> kerana didapati tidur semasa bertugas. (1) didakwa (2) dihukum (3) dipecat (4) diusir ()